



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)		
TARIKH	: 25/4/2018	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	: NRE / NAHRIM		
KLASIFIKASI	: <b>PERHATIAN</b>		

# Fokus perubahan iklim

**I**NSTITUT PENYELIDIKAN HIDRAULIK KEBANGSAAN (Nahrim) kini memfokuskan kepada Penyelidikan Impak Perubahan Iklim ke atas Sumber Air Malaysia seiring dengan peredaran masa.

Menurut Ketua Pengarahnya, **Dr. Azuhan Mohamed** pihaknya telah menghasilkan Nahrim *Technical Guide* No. 1 iaitu Anggaran Bentuk Hujan Ribut Masa Depan di bawah Senario Perubahan Iklim di Semenanjung Malaysia.

Teknologi tersebut dapat membantu jurutera, perancang dan penggubal dasar dalam merekabentuk, merancang dan membangunkan infrastruktur yang berkaitan dengan air di bawah senario perubahan iklim.

Di samping itu, Nahrim juga membangunkan produk inovasi Portal Pengetahuan Perubahan Iklim Malaysia (N-HYDAA) yang dibangunkan menggunakan pendekatan teknologi *Big Data Analytic* (BDA).

"Bagi tujuan itu, Nahrim mengoptimalkan penggunaan 10 bilion data unjuran hidro iklim bagi tempoh 90 tahun untuk tujuan analisis, perancangan dan pengurusan serta menyokong pembuatan keputusan dalam menangani kesan dan impak perubahan iklim di Malaysia.

"Jadi, kita buat unjuran jumlah hujan akan datang akibat perubahan iklim sampai 2100,

serta jangkaan waktu kering yang akan memanfaatkan pengusaha tanah mahu pun ladang," ujarnya.

Tidak terhad dengan itu, institusi yang terdiri daripada 158 kakitangan dengan 80 daripadanya adalah penyelidik itu turut meluaskan kajian

kepada penyelidikan peningkatan aras laut akibat perubahan iklim pada masa depan.

Penyelidikan Peningkatan Aras Laut Susulan Perubahan Iklim itu menggunakan data Satelit Altimeter dari 30 stesen di sepanjang perairan Malaysia.

Data tersebut kemudiannya

diasimilasikan dengan *Atmospheric Oceanic General Circulation Model* (AOGCM) untuk menghasilkan unjuran kenaikan aras laut di sepanjang pantai Malaysia pada tahun 2020, 2040, 2060, 2080 dan 2100.

"Kita menjangkakan kenaikan aras air laut sebanyak satu meter pada tahun 2100 di kawasan Pantai Barat Sabah akibat daripada perubahan iklim ini.

"Jadi, persiapan awal dapat dilakukan bagi mengelakkan kawasan rendah berhampiran pantai ditenggelami air," katanya lagi.

Secara umumnya, Dr.

Azuhan berkata, kelestarian sumber air dan kesejahteraan persekitarannya memerlukan kerjasama semua pihak untuk menguruskannya dengan cara yang berhemah.

Dalam pada itu, Pengarah Makmal Hidraulik dan Instrumentasi Nahrim, **Ir. Dr. Safari Mat Desa** berkata, ujian berkenaan isu pemendapan Tasik Ringlet di Cameron Highland tersebut bakal dijalankan dengan secepat mungkin bagi mengetahui punca berlakunya masalah berkenaan.

Setelah itu, menurutnya, satu kaedah penyelesaian akan dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk membantu mengurangkan bencana alam seperti banjir kilat akibat pemendapan tasik sekali gus mengurangkan kos penyelenggaraan tasik berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Makmal Kualiti Air Nahrim, **Syazrin Syima Sharifuddin** menjelaskan, Makmal kualiti air Nahrim antara yang terbaik dan dipercayai oleh bukan sahaja masyarakat tempatan, malahan pihak luar negara.

Dengan fasiliti yang lengkap dan dibantu oleh tenaga pekerja yang mahir, makmal kualiti air Nahrim sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik bagi menjamin kualiti air di negara ini.



**SYAZRIN SYIMA SHARIFUDDIN**



**DR. SAFARI MAT DESA**